

PM: Umat Islam perlu kuasai pelbagai ilmu

Oleh FAUZIAH AROF

KUALA LUMPUR 17 Okt. — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meminta umat Islam di negara ini menguasai ilmu dalam pelbagai bidang dan bukan sahaja untuk mengisi keperluan sekarang, tetapi pada masa akan datang.


Perdana Menteri berkata, sejarah tamadun Islam telah membuktikan bahawa segala ilmu yang diperlembah pada masa itu telah memberikan sumbangan besar kepada pembangunan tamadun manusia sehingga sekarang.

Perkembangan itu, kata beliau, menunjukkan betapa pentingnya ilmu dan umat Islam tidak akan dapat mengembackan zaman kegemilangan Islam itu.

"Ilmu pengetahuan dapat membuatkan sesuatu bangsa itu mencapai tahap kegemilangan dan oleh itu, kita perlu menguasai ilmu, dengan bersungguh-sungguh untuk memajukan sesuatu bangsa dan dengan itu kita pula akan mencapai kegemilangan tersebut," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika berucap di Pelancaran Program Tuisyen Yayasan Albukhary dan Majlis Berbuka Puasa dengan Peserta Tuisyen di Muzium Kesenian Islam di sini, hari ini.

Turut hadir Pengerusi Eksekutif Yayasan Albukhary, Tan Sri Syed Mokhtar Albukhary.



ABDULLAH Ahmad Badawi memastikan saf tersusun sebelum mengimamkan solat Maghrib selepas pelancaran Program Tuisyen Yayasan Albukhary dan Majlis Berbuka Puasa di Muzium Kesenian Islam, Kuala Lumpur, semalam.

Abdullah menambah, umat Islam di negara ini perlu memberikan contoh kepada semua kaum bahawa mereka boleh maju dalam semua bidang bukan sahaja politik, tetapi ekonomi, sosial dan sebagainya.

"Justeru, kita perlu memperlengkapkan diri dengan ilmu. Inijuga adalah sesuatu tuntutan kerana dalam Islam menuntut ilmu merupakan satu kewajipan," katanya.

Pada majlis tersebut, Perdana Menteri turut memuji Syed Mokhtar yang juga merupakan pengasas Yayasan Albukhary.

Abdullah berkata, Syed Mokhtar bukan sahaja merupakan seorang usahawan berjaya tetapi memenuhi permintaan masyarakat dengan memberikan sumbangan dengan mewujudkan yayasan tersebut.

"Sebagai seorang tokoh korporat, beliau (Syed Mokhtar) wajar dicontohi kerana menjalankan tanggungjawab sosialnya dengan baik," katanya.

Yayasan Albukhary terus membuktikan keprihatinan dan keupayaannya dengan membantu pelajar bumiputera aliran Sains yang miskin dengan menyediakan program tuisyen sejak tahun 2002.

Kini kira-kira 20,730

orang pelajar daripada 502 buah sekolah terlibat dalam program anjuran Yayasan Albukhary dengan kos berjumlah RM12 juta.

Di bawah program itu, pelajar terbabit diberikan tuisyen secara percuma dalam mata pelajaran kritikal seperti bahasa Inggeris, Matematik Tambahan, Fizik, Kimia dan Biologi Selama lapan jam dalam seminggu.